
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

STW219 – Tingkahlaku Manusia dan Persekitaran Sosial

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Setiap soalan diberikan nilai markah yang sama, iaitu 100 markah.

1. Dalam tahun 90an ekonomi Malaysia tumbuh dengan begitu menggalakkan. Ini telah menyebabkan migrasi rakyat asing ke negara kita.
 - a) Bincangkan masalah ini dari aspek sosial.
 - b) Apakah implikasi kepada pekerja sosial?

2. Andaikan pada tahun 2002 diserata dunia berlaku peperangan yang menghancurkan banyak negara. Pada masa itu Malaysia menjadi salah sebuah negara tumpuan pelarian asing. Sebagai pekerja sosial, bagaimana anda boleh membantu pelarian tersebut menjadi “bi cultural”. Bincangkan dari aspek persediaan awal hingga ke peringkat mengatur perjalanan kehidupan di khemah pelarian.

3. Bincangkan, dengan contoh, 5 cara transaksi yang berlaku antara individu dan sistem sosial (5 major forms of transaction).

...2/-

4. Bincangkan masalah perhubungan sosial (social relationship) yang mungkin mempengaruhi perkembangan pertumbuhan (development) seseorang dari peringkat awal (bersama keluarga) hingga ke peringkat remaja (youth).

5.
 - a) Bincangkan krisis psikososial (psychosocial crisis) Erikson dari kanak-kanak hingga ke peringkat remaja (from childhood to youth) dengan mengambil contoh pengalaman kamu sendiri.

 - b) Dalam perbincangan ini huraikan bagaimana kejantinaan (gender) keturunan (race) dan perbezaan ethnik (ethnicity) mempengaruhi diri kamu.

6. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah “kekuatan ego” dan “kelemahan ego” (ego strength and ego weakness)? Kenapakah konsep ini dikatakan mustahak kepada seorang pekerja sosial?

7. Bincangkan teori Kohlberg’s berkenaan dengan 6 peringkat pertumbuhan moral dan kaitkan dengan pengalaman kamu.

- oo o0o oo -